

21 DEC 1999

Kit Siang-Parlimen

DAP MUNGKIN AMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG

PETALING JAYA, 21 Dis (Bernama) -- DAP sedang menimbang untuk mengambil tindakan undang-undang bagi menentukan sama ada Parlimen ke-10 bersidang mengikut Perlembagaan.

Pengerusi DAP Lim Kit Siang berkata ini perlu bagi mengelakkan undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen dan status anggota parlimen termasuk menteri tidak dicabar di mahkamah.

"Semua undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen yang bersidang tanpa mengikut Perlembagaan boleh dicabar kesahihannya," kata beliau pada persidangan media di ibu pejabat DAP di sini hari ini.

Lim berkata dalam keadaan yang sama, majlis mengangkat sumpah oleh anggota Parlimen boleh dicabar kerana mengikut undang-undang, anggota parlimen yang tidak mengangkat sumpah enam bulan dari sidang pertama parlimen dianggap telah mengosongkan kerusi mereka.

"Mungkin ada orang yang membawa kes ke mahkamah untuk mencabar kesahihan status Parlimen dan ini juga meliputi menteri kerana mereka harus menjadi anggota Parlimen dahulu sebelum menjadi menteri dan jika ada orang membawa perkara itu ke mahkamah untuk mengisytiharkan kerusi parlimen itu kosong, maka tidak ada lagi menteri," kata beliau.

Lim berkata DAP akan mengkaji semua implikasi undang-undang berhubung dengan perkara itu kerana ia boleh memberi kesan mendalam.

Katanya, beliau bercakap bagi pihak DAP dan akan membincangkan perkara itu kemudian dengan anggota lain Barisan Alternatif (BA). Parti lain dalam BA ialah PAS, Keadilan dan PRM.

Mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa Lim ialah "dalang" dalam kekecohan di Parlimen semalam, beliau berkata.

"Jika Dr Mahathir betul, maka saya sekarang lebih berpengaruh selepas tersingkir dari Parlimen dalam pilihan raya umum paling kotor dalam sejarah negara pada bila-bila masa dalam tempoh 30 tahun sebagai anggota parlimen dan 25 tahun sebagai Ketua Pembangkang".

-- BERNAMA

AFY FAZ